



## Kerajaan jamin bekalan gula cukup pada Aidiladha

Oleh Hidayatidyu Razali - Jun 10, 2023 @ 3:29pm  
bhnews@NSTP.com.my

KOTA BHARU: Kerajaan memberi jaminan bekalan gula di seluruh negara akan mencukupi pada perayaan Aidiladha ini, dengan memastikan bekalan 42,000 tan gula sebulan ada di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata bagi memastikan bekalan gula mencukupi, kementerian itu melancarkan Ops MANIS 2.0, yang dilanjutkan hingga 30 Jun ini dan diperluaskan di seluruh negara, termasuk Sabah serta Sarawak.

"Saya sudah beri taklimat kepada kementerian melalui badan penguatkuasa supaya kita jadi lebih aktif dan agresif untuk memastikan keberadaan gula bertapis kasar dan halus di pasaran.

"Untuk menampung keperluan, minimum bekalan adalah 42,000 tan sebulan dan itu syaratnya. Kalau nak jual gula premium itu tidak ada masalah, tetapi perlu memastikan bekalan gula (subsidi) ini mencukupi.

"KPDN bersedia untuk melihat dan mengadakan libat urus dan Insya-Allah, semasa musim perayaan haji ini, tidak ada pengurangan bekalan gula di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang media selepas Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dan Menu Rahmah di Pasar Besar Siti Khadijah, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh dan Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail.

Pada perkembangan lain, Salahuddin berkata, bagi peniaga yang menawarkan Menu Rahmah, mereka boleh membeli barang keperluan asas dengan pengurangan harga sehingga 30 peratus di kedai, pasar raya atau premis terpilih.